

DATE: 18/03/2000

Dalam Negeri

Manfaatkan peranan raja menyatukan umat Islam — Salleh

KUALA LUMPUR 17 Mac — Peranan raja sebagai ketua agama negeri-negeri wajar dimanfaatkan segera untuk penyatuan masyarakat Islam yang berlainan fahaman politik di negara ini, kata seorang pengamal undang-undang, Salleh Buang.

Beliau berkata, langkah itu tepat dengan perkembangan semasa sebelum kecenderungan perpecahan masyarakat Islam tersebut merebak secara meluas.

“Sebagai Raja Berperlembagaan dan berkecuali dalam politik, peranan

raja-raja Melayu itu sudah tentu lebih berkesan bagi menyatupadukan ummah,” katanya ketika dihubungi di Pulau Pinang hari ini.

Beliau diminta mengulas kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad di

Alor Setar, semalam, yang antara lain menyatakan bahawa raja-raja Melayu boleh memainkan peranan menyatukan umat Islam yang berlainan fahaman politik.

Perdana Menteri berkata, kedudukan raja-raja Melayu yang menjurus ke

pada urusan agama dan tidak terbabit dengan politik adalah menepati dengan peranan untuk penyatuan tersebut.

Dr. Mahathir dalam perutusan khas Hari Raya Aidiladha juga berkata, permusuhan sesama umat Islam di negara ini tidak

seharusnya dikekalkan sehingga menimbulkan ketegangan di kalangan rakyat.

Sehubungan itu beliau percaya masalah tersebut tidak dapat dibendung menerusi peranan raja-raja Melayu yang boleh digerakkan melalui majlis-

majlis agama negeri yang mereka terajui.

Mengulas lanjut perkara itu, Salleh berkata, pendapat Dr. Mahathir tersebut memang tepat dan wajar dipraktikkan secara menyeluruh.

Katanya, pelaksanaan itu boleh dilakukan sama

ada secara terus di peringkat negeri masing-masing atau selepas diputuskan menerusi Majlis Raja-Raja Melayu.

“Bagi negeri-negeri yang tidak mempunyai raja, urusan agama Islam tertakluk di bawah Yang di-Pertuan Agong,” jelasnya.